

TARIKH IKLAN: 03.05.2018



HOSPITAL TAIPING

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran ini adalah dipelawa kepada Penyebut harga-penyebut harga yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam bidang perbekalan/perkhidmatan di bawah bidang atau sub bidang yang berkaitan sahaja dan masih dibenarkan menyertai Sebut Harga berikut :-

NO. SEBUT HARGA/TAJUK SEBUT HARGA	KATEGORI/ PENGKHUSUSAN	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT (WAJIB)	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TUTUP SEBUT HARGA
09/SH/HTPG/2018 SEBUT HARGA KERJA-KERJA MENAIKTARAF STOR REKOD PSIKITRI DI JABATAN PSIKITRI DAN KESIHATAN MENTAL HOSPITAL TAIPING	G1 B04/B26/B28	TEMPAT: KAUNTER JABATAN PSIKIATRI HOSPITAL TAIPING TARIKH: 11.05.2017 (JUMAAT) MASA : 10.00 PAGI KEHADIRAN ADALAH DIWAJIBKAN	TARIKH : 18.05.2018 (JUMAAT) MASA : 12.00 TENGAHARI TEMPAT : PETI SEBUT HARGA , BAHAGIAN PENGURUSAN, ARAS 4, BLOK SERVIS KLINIKAL, HOSPITAL TAIPING, JALAN TAMING SARI, 34000,TAIPING, PERAK

Syarikat / kontraktor dikehendaki mengemukakan **Sijil Pendaftaran dengan CIDB dan PKK yang ASAL** semasa mengambil dokumen tawaran. Sila bawa bersama **COP SYARIKAT** semasa mengambil dokumen. Hospital Taiping berhak menolak permohonan yang mana pada tanggapan Hospital Taiping ianya tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih atau 0.4% bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

Semua dokumen manual/sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri serta ditulis nombor Sebut Harga di sudut atas sebelah kiri sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang disediakan seperti alamat diatas. Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.

Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Perolehan Hospital Taiping di talian 05-8204264.